



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 31
No. 25

10hb Disember 1987

TAMBAHAN No. 88
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 653.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK

(Enakmen Selangor No. 3 tahun 1952)

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 41

FATWA berikut oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mengenai perkara-perkara yang dirujuk kepada Majlis di bawah seksyen 41 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak bagi Negeri Selangor, sebagaimana diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1974, adalah diterbitkan sebagaimana ditetapkan oleh Majlis menurut seksyen 42 (3) Enakmen itu:

Sel. En.
3152.
P.U. (A)
44174.

“(a) Bahawa ajaran dan amalan ilmu kebatinan, tahan diri (kuasa ghaib) yang diajar dan diamalkan oleh—

1. Nasrul Haq
2. Budi suci
3. Al watan
4. Budi suci sejati
5. Jawa Faradin
6. Silat sunda pukulan ghaib
7. Tusuk hikmat
8. Ilmu kebatinan
9. Potong maya

10. Naluri
11. Kaula
12. Haqullah
13. Syahadah Rampai
14. Wali suci
15. Kalimat sakti
16. Silat pukulan jarak jauh
17. Ilmu tenaga dalam hikmat
18. Zikir sha'ban
19. Islam Haq
20. Asal wujud
21. Garis laksamana
22. Al Ma'zat

bukan daripada ajaran Islam. Oleh itu orang Islam adalah ditegah daripada mengikut dan mengamalkannya.

- (b) Bahawa ajaran "Transcendental Meditation" yang diajar oleh Maharisi Mahish Yogi dan kumpulannya bukan daripada ajaran Islam. Oleh itu orang Islam adalah ditegah daripada mengikut dan mengamalkannya.
- (c) Bahawa ajaran yang dibawa dan diperkembangkan oleh Syed Muhamad Al Masyhor dan pengikutnya bukan daripada ajaran Islam. Oleh itu orang Islam adalah ditegah daripada mengikut dan mengamalkannya.
- (d) Bahawa ajaran Bahai bukan daripada ajaran Islam. Oleh itu orang Islam adalah ditegah daripada mengikut dan mengamalkannya.
- (e) Bahawa tarikat Mufarridah bukan daripada ajaran Islam. Oleh itu orang Islam adalah ditegah daripada mengikut dan mengamalkannya."

Bertarikh pada 2hb November 1987.
[JAWI/A/145; PN. (PU²) 197/II.]

DATO' DR MOHD. YUSOF NOOR,
*Pengerusi,
Majlis Agama Islam,
Wilayah Persekutuan*